



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28/4/2013

Bukukan pengalaman untuk angkat maruah negara

UM-28/4/2013

KUALA LUMPUR 27 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap lebih ramai rakyat Malaysia dapat membukukan pengalaman dan kepakaran untuk diwariskan kepada generasi seterusnya.

Jelas beliau, sumbangan itu amat penting untuk menunjukkan rakyat Malaysia dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju.

"Semasa saya kecil di zaman penjajah, saya baca dan tahu segala-galanya mengenai sejarah British tetapi saya tidak tahu mengenai sejarah bangsa dan negara saya sendiri.

"Sebab itu, saya berharap rakyat Malaysia dapat membukukan pengalaman mereka dalam format yang menarik bagi menebus maruah dan martabat negara kita yang dahulunya dijajah," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika berucap bagi melancarkan buku bergambar *Sahara Aku Jejaki Pasirmu* nukilan pelari solo wanita negara, Suwaibah Muhammad Nasir di Menara Kuala Lumpur di sini.

Suwaibah mencatatkan nama dalam *Malaysia Book of Records* sebagai pelari solo wanita negara pertama yang berjaya melakukan larian solo merentasi gurun Sahara di Mesir dengan jarak 1,111 kilometer dalam tempoh, 32 hari pada pertengahan tahun lalu.

Menurut Dr. Mahathir, beliau menyanjung mana-mana rakyat negara ini yang mengambil semangat Malaysia Boleh bagi melakukan sesuatu perkara yang luar biasa dan mencabar.

"Walaupun negara kita sudah merdeka, ia tidak mencukupi, kita

kena menunjukkan kebolehan kita agar Malaysia berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia," ujarnya.

Sementara itu, menurut Suwaibah, buku bergambar pengalamannya itu akan dijual dalam tiga bahasa iaitu bahasa Malaysia, Inggeris dan Arab selain turut disertakan video cakera padat (VCD) pengembaraan itu.

"Saya juga berharap dapat terus membantu rakyat Palestin kerana 15 peratus daripada jualan buku ini akan disalurkan kepada Tabung Bantuan Rakyat Palestin," katanya yang amat menghargai Dr. Mahathir selaku penaung projek larian itu.

Mengenai rancangan masa depan, Suwaibah berharap dapat melakukan satu lagi projek larian solo dan kali ini dari Rusia ke China.



DR. Mahathir Mohamad menandatangani buku *Sahara Aku Jejaki Pasirmu* hasil nukilan Suwaibah Muhammad Nasir (kiri) pada Majlis Makan Malam Coffee Table Book Sahara di Menara Kuala Lumpur, kelmarin.